

ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**TEATER PERBINCANGAN DILEMA MORAL:  
PENDEKATAN TRANSFORMATIF DALAM  
MELAKSANAKAN KANDUNGAN KURIKULUM BUKU  
TEKS PENDIDIKAN MORAL**

**MORAL DILEMMA DISCUSSIONS THEATER: A  
TRANSFORMATIVE APPROACH TO THE  
IMPLEMENTATION OF THE CURRICULUM  
CONTENT OF MORAL EDUCATION TEXTBOOK**

**Nadarajan Thambu <sup>\*1</sup>, Aminah Abd. Rhapor <sup>2</sup>, Sukadari <sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: [nada@fsk.upsi.edu.my](mailto:nada@fsk.upsi.edu.my)

<sup>2</sup> Universiti Teknologi MARA-(UiTM cawangan Selangor), Malaysia.

Email: [aminah205@uitm.edu.my](mailto:aminah205@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Universitas PGRI, Yogyakarta, Indonesia. Email: [sukadariupy@gmail.com](mailto:sukadariupy@gmail.com)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/134>

**Abstract**

Does theater have a "place" in the teaching of Moral Education? How can theater be used as a pedagogical tool to teach, nurture, develop and produce a moral persons? There is very little research on theory and analysis, which supports the assumption that theater can make a distinctive contribution in the process of teaching and learning of Moral Education. This article outlines how the Moral Dilemma Discussions Theater (a form of theater created through a combination of Forum Theater techniques and moral dilemma discussion techniques) can be used to present the curriculum content of the Moral Education Textbook in transformative manner. The aspirations and goals of the Moral Education subject, which included in the Moral Education Textbook can be implemented using the Moral Dilemma Discussion Theater technique. The Moral Dilemma Discussion Theater is an innovation product in the art of theater. The Moral Dilemma Discussion Theater can be a viable option for teachers in handling the structured, stereotyped, one-way and conventional teaching and learning of Moral Education.

**Keywords:** Moral Education; Theater; Theater of Moral Dilemma Discussions; Textbook; Technique

### Abstrak

Adakah teater mempunyai "tempat" dalam pengajaran Pendidikan Moral? Bagaimana teater boleh digunakan sebagai wahana untuk mengajar, menerap dan melahirkan insan bermoral? Hanya terdapat sedikit sahaja kajian tentang teori dan analisis, yang menyokong andaian tentang potensi teater sebagai penyumbang dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Artikel ini menggariskan bagaimana Teater Perbincangan Dilema Moral (satu bentuk teater yang dihasilkan melalui gabungan teknik Teater Forum dan teknik perbincangan dilema moral) boleh digunakan untuk mempersembahkan kandungan kurikulum dalam Buku Teks Pendidikan Moral dengan lebih transformatif. Aspirasi dan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral yang termaktub dalam Buku Teks Pendidikan Moral boleh dilaksanakan dengan menggunakan teknik Teater Perbincangan Dilema Moral. Teater Perbincangan Dilema Moral merupakan satu inovasi teknik dalam seni teater. Teater Perbincangan Dilema Moral boleh menjadi pilihan yang wajar kepada guru dalam menangani proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang streotaip, sehala dan konvensional.

**Kata Kunci:** Pendidikan Moral; Teater; Teater Perbincangan Dilema Moral; Buku Teks; Teknik

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 1<sup>th</sup> March 2021, revised 29<sup>th</sup> March 2021, accepted 7<sup>th</sup> April 2021

### Pengenalan

Kurikulum Pendidikan Moral yang disemak semula (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>1</sup>, juga memberi penekanan kepada penerapan nilai murni; di samping mendidik murid untuk berfikir, berilmu pengetahuan serta mampu mendepani cabaran pendidikan abad mendatang. Guru pula digalakkan untuk menggunakan kebijaksanaan dan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Bagi menjayakan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), pengajaran dan pemudahcaraan guru perlu memberi penekanan kepada elemen seperti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada pelbagai pendekatan supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagai mana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>.

Menurut Lickona (1991)<sup>3</sup>, murid-murid perlu merasai apa yang dibincangkan oleh guru di bilik darjah. Hal ini akan dapat mengungkitkan rasa hati mereka dan mengaktifkan pemikiran mereka dan menggalakkan mereka berfikir secara kritis untuk membuat sesuatu keputusan yang bermoral. Oleh itu, pemilihan teknik penyampaian yang berasaskan pengalaman harian sebenar membantu pembelajaran murid. Dalam keadaan ini, konsep, fakta atau kemahiran yang dipelajari akan cepat difahami atau mudah dikuasai.

Salah satu unsur penting yang perlu diberikan perhatian dalam pedagogi ialah cara guru menggunakan Buku Teks untuk mencapai aspirasi program Pendidikan Moral negara. Kandungan kurikulum negara yang tersurat dalam Buku Teks Pendidikan Moral perlu "diterjemahkan" ke dalam realiti kehidupan murid (Boal, 2006)<sup>4</sup>. Agenda pendidikan moral negara dapat direalisasikan melalui teknik yang dikenali sebagai Teater Perbincangan Dilema Moral. Teater Perbincangan Dilema Moral mampu memberikan latihan kepada murid yang bakal menjadi warganegara untuk melihat sesuatu konflik sosial secara kritis dan memberikan penyelesaian kepada konflik itu dalam bentuk teater yang dicipta sebelum melaksanakannya dalam kehidupan sebenar (Durden, 2003)<sup>5</sup>. Teater Perbincangan Dilema Moral telah menetapkan peranan pengajaran yang sedemikian rupa untuk membolehkan murid memahami realiti sosial dan kemudian mereka boleh bertindak untuk mengubahnya.

### **Pendidikan Moral Di Malaysia**

Pendidikan Moral di Malaysia diajar sebagai satu mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk pelajar bukan beragama Islam seperti pelajar Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazandusun (Chang, 1998; Vishalache, 2011)<sup>6,7</sup>. Mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia. Mata pelajaran ini diharap dapat menghasilkan murid yang berpengetahuan, berperwatakan mulia, dan mengutamakan perpaduan serta bersemangat patriotik ke arah menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>.

Kurikulum mata pelajaran Pendidikan Moral direalisasikan melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DSKP merupakan dokumen wajib yang menjadi rujukan utama guru dalam merancang dan mentaksir pembelajaran murid dan pengajaran guru (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Kurikulum ini juga memberi pemahaman dan penghayatan serta memastikan murid mengamalkan nilai universal yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum serta perundangan di negara ini. Kandungan kurikulum ini masih berpasak pada tiga prinsip moral yang tulen iaitu altruistik, autonomi dan keadilan sebagai strategi untuk membina dan mengekalkan masyarakat yang bermoral serta beretika (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Justeru, guru perlu merancang dan "menterjemahkan" DSKP ini dengan bijak agar pengajaran lebih berkesan dan menarik.

Kurikulum Pendidikan Moral di negara ini telah meletakkan matlamat untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia, berintegriti dan yang berpegang teguh kepada nilai universal berasaskan prinsip moral sejagat (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Nilai-nilai sejagat yang dihayati oleh murid akan menjadi pemangkin kepada mereka dalam menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global. DSKP ini juga menekankan pencapaian pemikiran aras tinggi (KBAT) dan kemahiran lain yang perlu dikuasai oleh murid bagi menyediakan mereka menghadapi cabaran dalam abad ke-21. DSKP Pendidikan Moral ini juga menekankan pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan demi melahirkan warganegara yang sejahtera dan harmonis (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>.

## Dimensi Moral

Pendidikan Moral KSSM negara ini berfokus untuk membentuk insan yang berakhlak mulia dengan menerapkan tiga dimensi moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Elemen penaakulan merujuk kepada keupayaan mental untuk menaakul dalam situasi yang kabur atau dalam situasi yang mempunyai konflik nilai untuk mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan buruk atau salah. Emosi moral ditakrifkan sebagai kesedaran emosi dalam menzahirkan kepedulian (*care for*) daripada hati nurani seseorang insan yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan mempunyai rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Manakala sesuatu perlakuan bermoral dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016, hlm, 5)<sup>2</sup>.

Ketiga-tiga elemen dalam dimensi moral tersebut perlu dikembangkan bersama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. Sehubungan itu, ketiga-tiga elemen tersebut perlu diaplikasikan bersama-sama dengan 18 nilai universal yang menjadi wahana bagi melahirkan insan yang berakhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Guru perlu menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat menerapkan nilai-nilai ini. Dengan itu, murid yang mempelajari Pendidikan Moral dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu berkaitan remaja atau dilema moral yang dihadapi oleh mereka dengan mengaplikasikan nilai tersebut.

## Buku Teks Pendidikan Moral (KSSM)

Selain kurikulum, Sukatan Pelajaran, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), guru dan alatan teknologi, buku teks menjadi bahan sumber yang penting dalam melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Selain itu, Buku Teks mempunyai ciri khusus yang membantu guru dan pelajar dalam mengaplikasikan aspek pentaksiran dan penilaian di dalam bilik darjah (Mohd Nazri Abdul Rahman, et al, 2013)<sup>8</sup>. Dalam hubungan ini, pencapaian objektif pengajaran dan hasil pembelajaran sesuatu unit pengajaran banyak bergantung kepada penggunaan buku teks. Oleh itu, kerajaan telah memperuntukan sejumlah wang yang besar untuk sekolah rendah dan sekolah menengah bagi kerja-kerja mencetak, cetakan semula, dan menyelenggara kerosakan buku teks (Mohd Nazri Abdul Rahman, et al, 2013)<sup>8</sup>.

Atas kepentingan dan desakan inilah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan buku teks Pendidikan Moral untuk peringkat sekolah rendah (darjah 1 hingga darjah 6) dan peringkat sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5). Buku Teks untuk semua peringkat ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Buku Teks Pendidikan Moral yang ditulis bertunjangkan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral iaitu, untuk melahirkan insan berakhlak mulia, berintegriti dan berpegang pada nilai sejagat yang berasaskan prinsip moral. Kandungan buku teks ini juga menjurus kepada matlamat untuk melahirkan insan murid yang boleh menyumbang ke arah perpaduan, kesejahteraan negara serta

masyarakat global (Nur Munirah Teoh Abdullah, Mohd Hilmie Mohd Mokhtar & Vijayaletcmey Muniyandy, 2017)<sup>9</sup>.

Setiap unit pengajaran di dalam buku teks diperkaya dengan pelbagai aspek seperti bahagian rangsangan, penjelasan konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan, penilaian dan aktiviti progresif (Nur Munirah Teoh Abdullah, Mohd Hilmie Mohd Mokhtar & Vijayaletcmey Muniyandy, 2017)<sup>9</sup>, untuk memudahkan murid memahami kandungan unit tersebut dengan lebih mendalam. Penulisan buku teks ini juga memuatkan pelbagai aktiviti dan latihan bagi memberi peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif dan memberi maklum balas yang menjurus ke arah pemikiran yang kritis dan kreatif. Selaras dengan Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21, buku teks yang ditulis juga memberi fokus kepada empat tahap pemikiran dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Nur Munirah Teoh Abdullah, Mohd Hilmie Mohd Mokhtar & Vijayaletcmey Muniyandy, 2017)<sup>9</sup>.

### **Masalah Pengajaran Dan Pemudahcaraan Pendidikan Moral**

Kandungan kurikulum dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah "diterjemahkan" ke dalam Buku Teks secara jelas dan disusun rapi (Nur Munirah Teoh Abdullah, Mohd Hilmie Mohd Mokhtar & Vijayaletcmey Muniyandy, 2017)<sup>9</sup> untuk mendukung aspirasi Program Pendidikan Moral dalam membentuk insan berakhlak mulia, berintegriti, berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral dan mampu menyumbang ke arah perpaduan, kesejahteraan negara serta masyarakat global (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Kejayaan proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas bergantung kepada keupayaan guru menggunakan buku teks dalam memindahkan maklumat daripada buku teks untuk pengetahuan dan pemahaman murid.

Pelbagai masalah yang dipaparkan melalui beberapa kajian di negara ini jelas menunjukkan isu kepincangan yang masih wujud dalam aspek pedagogi pengajaran yang melibatkan juga penggunaan buku teks dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan subjek Pendidikan Moral. Pengajaran guru masih sehala dan bersifat memindahkan fakta moral daripada buku teks ke dalam minda murid secara langsung (Abd. Shatar Che Abdul Rahman, 2009)<sup>10</sup>. Guru masih gagal menggunakan buku teks sebagai bahan bantu pengajaran secara lebih berkesan untuk menerapkan elemen dimensi moral (Nadarajan Thambu & Vishalache Balakrishnan, 2014)<sup>11</sup>. Kaedah pengajaran guru yang hanya bergantung kepada buku teks tanpa sebarang inovasi dan idea kreatif untuk mempersembahkan kandungan yang sedia ada dalam buku teks telah menghasilkan pengajaran yang statik dan pasif. Pengajaran guru juga dikatakan tidak menggalakkan proses berfikir dalam kalangan pelajar (Norzihani Saharuddin & Nur Surayyah Madhubala Abdullah, 2015)<sup>12</sup>. Semua kepincangan ini telah membantutkan komponen pemikiran moral atau penaakulan moral yang merupakan satu komponen penting dalam proses perkembangan moral yang matang (Colby & Kohlberg, 2011).<sup>13</sup>

Dalam keadaan Bahan Bantu Mengajar yang amat terhad (Suppiah, Barathy & Sandra, 2017)<sup>14</sup> guru perlu kreatif dalam mempelbagaikan latihan, aktiviti dan malah harus mengolah semula kandungan pengajaran dalam sesuatu unit pengajaran agar ia sesuai dengan keupayaan dan kebolehan murid. Namun guru masih terikat dan kerap menggunakan semula latihan dan aktiviti yang ada dalam Buku Teks secara "bulat-bulat" tanpa membuat sebarang perubahan secara kritis dan kreatif (Nadarajan Thambu, Noor Banu Mahadir Naidu & Muhammad Atiullah Othman,

2018)<sup>15</sup>. Guru masih selesa dengan teknik pengajaran konvensional yang menyenaraikan fakta dan isi kandungan Buku Teks secara kronologi tanpa perbincangan isu moral secara kritis (Nadarajan Thambu, Noor Banu Mahadir Naidu & Muhammad Atiullah Othman, 2018)<sup>15</sup>.

Selain itu, kajian juga menunjukkan murid tidak begitu berminat akan kelas Pendidikan Moral di kebanyakan sekolah di Malaysia (Barone, 2004)<sup>16</sup>. Dapatan kajian menunjukkan murid menyatakan kelas Pendidikan Moral mereka begitu membosankan. Kajian Barone (2004)<sup>16</sup> juga menyokong kajian (Vishalache, 2011)<sup>7</sup> bahawa murid bosan kerana mereka terpaksa belajar perkara yang sama sejak dari sekolah rendah. Kedua-dua kajian ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru gagal mengubah suai aktiviti dan latihan yang ada dalam Buku Teks agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan keadaan persekitaran murid sehingga pelajar bosan dengan pengajaran guru. Ternyata, guru Pendidikan Moral masih kurang kreatif dan kurang mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menarik minat pelajar.

Levy (1997)<sup>17</sup> juga mendakwa bahawa aspek “mendidik emosi” juga kurang ditangani oleh para pendidik di sekolah berbanding dengan aspek kognitif. Oleh itu, beliau yakin bahawa seni teater mampu menjadi wahana untuk mendidik emosi murid. Levy (1997)<sup>17</sup> yakin bahawa "*the best way to educate the emotions, at least until virtual reality is much further along, is through the theatre* (p. 72). Ternyata aspek mendidik emosi moral penting untuk memelihara ketenangan dan keharmonian dalam diri individu. Seseorang individu yang mampu memelihara ketenangan emosi mampu bertindak untuk memelihara dan memastikan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat. Hukum ini adalah berdasarkan bukti bahawa jika seseorang dapat mengawal aspek luaran (psikomotor) maka aspek dalaman seperti afektif/emosi dan kognitif juga dapat dikawal kerana ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan (Best, 1992)<sup>18</sup>. Selain itu, murid yang tidak ada emosi moral sebenarnya tidak mempunyai motivasi untuk bertindak secara bermoral atau mengambil keputusan secara bermoral (Rest, 1984)<sup>19</sup>.

### **Teater Forum Dalam Pendidikan Moral**

Teater Forum ialah satu bentuk teater yang diasaskan oleh Augusto Boal dari Brazil. Boal telah mencipta bentuk teater ini daripada teater yang dikenali sebagai *Theatre of The Oppressed* (Boal, 2006)<sup>4</sup>. Boal (2006)<sup>4</sup> telah mencipta *Theatre of The Oppressed* berpandukan idea Paulo Friere (1970)<sup>20</sup>, juga seorang tokoh pendidikan di Brazil. Friere (1970)<sup>20</sup> mengemukakan ideanya melalui karya *Pedagogy of the Oppressed*. Teater Forum telah menjadi satu revolusi dalam dunia teater.

Teater Forum terbentuk daripada dua kata iaitu teater dan forum. Teater bermaksud genre seni atau satu bentuk komunikasi. Forum pula berasal daripada istilah Greek yang membawa maksud satu medan perbincangan untuk orang-orang yang berbeza pandangan bertemu dan meluahkan pandangan mereka secara bebas dan terbuka (Boal, 2006)<sup>4</sup>. Matlamat Teater Forum ialah untuk memberikan peluang kepada pihak pelakon dan penonton untuk menyatakan dan menerima pandangan secara terbuka tentang sesuatu isu yang dipaparkan melalui lakonan. Aspek ini berbeza dengan teater tradisional yang hanya membenarkan para pelakon sahaja menjadi aktif menyalurkan mesej dan penonton menjadi penerima mesej yang pasif (Boal, 2008)<sup>21</sup>.

Dalam Teater Forum tiga kategori watak sentiasa dan wajib ada. Pertama watak protagonis yang peranannya adalah untuk mewakili pengalaman penindasan yang dilalui oleh segolongan masyarakat. Kedua ialah watak antagonis yang merupakan penindas dan ketiga Joker yang



bertindak sebagai penghubung atau pemudahcara antara pelakon dan penonton (Boal, 2006)<sup>4</sup>. Manakala lakonan anti-model menggambarkan penindasan terhadap watak utama atau protagonis oleh antagonis (Cohen-Cruz & Schutzman, 2006)<sup>22</sup>.

Menurut Boal (2006)<sup>4</sup>, Teater Forum berbeza daripada teater konvensional. Teater seharusnya melibatkan dialog dengan penonton dan bukan percakapan sehalu seperti yang berlaku dalam teater konvensional. Dalam teater konvensional segala-galanya bergerak dari pentas ke auditorium. Emosi, idea dan isu kemoralan dipindahkan ke arah tersebut dan tidak ada satu pun yang bergerak ke arah sebaliknya. Bagi Boal (2006)<sup>4</sup> jurang atau sempadan antara para pelakon dan penonton telah dihapuskan dalam Teater Forum. Teater ini mempunyai hubungan dua hala (Boal, 2008)<sup>21</sup>. Malahan, Teater Forum lebih kepada ciptaan sebuah forum atau ruang diskusi untuk menganalisis, membincangkan dan meneroka penyelesaian berkumpulan terhadap ketidakadilan (Cohen-Cruz & Schutzman, 2006)<sup>22</sup>.

Boal melihat teater sebagai satu senjata yang sangat berkesan untuk pembebasan (Boal, 2008)<sup>21</sup>. Teater bukan sahaja untuk hiburan tetapi sebagai wahana untuk perubahan sosial. Teater Forum ialah teater gaya penyertaan. Masalah-masalah yang digambarkan dalam Teater Forum adalah digarap daripada pengalaman harian penonton. Boal (2008)<sup>21</sup> dengan penuh tekad tidak menghuraikan definisi penindasan daripada perspektif kefahaman yang khusus tetapi menerima babak yang dilihat oleh penonton sendiri sebagai penindasan. Selaras dengan keinginan untuk memberi kuasa kepada penonton setiap orang digalakkan untuk mengambil bahagian dalam senario pendek yang dipentaskan. Bagi Boal (2006)<sup>4</sup>, teater ialah seni melihat kepada diri sendiri dan semua manusia ialah pelakon (mereka berlakon!) dan penonton (mereka menonton!). Boal menamakan penonton-pelakon ini sebagai *spect-actors*.

Dalam intervensi ini Boal (2008)<sup>21</sup> tidak menggalakkan penonton yang pasif seperti dalam teater konvensional. Beliau mahukan penonton yang aktif mengambil bahagian dalam persembahan teater untuk mencipta aksi yang membawa kepada perubahan dari aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Hal ini kerana Boal (2008)<sup>21</sup> percaya setiap individu manusia berupaya untuk melihat diri mereka dalam setiap lakonan yang dipersembahkan dan mahukan mereka memiliki set minda tentang apakah yang patut saya buat untuk menangani masalah tersebut? dan bukannya pemikiran tentang apa yang telah saya buat.

## Dilema Moral

Dilema moral ialah satu situasi berkonflik yang dihadapi oleh individu atau sekumpulan masyarakat (Vishalache, 2011)<sup>7</sup>. Situasi berkonflik ialah satu situasi yang kabur atau yang mempunyai konflik nilai. Dalam sesuatu dilema moral ini terdapat beberapa pilihan. Individu atau masyarakat perlu membuat pilihan untuk mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan buruk atau salah (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Individu atau masyarakat bebas memilih pilihan yang dirasakan wajar bagi mereka untuk membuat satu keputusan moral. Dilema moral biasanya wujud apabila terdapat pertentangan nilai yang dipegang antara individu dengan individu atau individu dengan masyarakat. Dilema moral juga wujud apabila terdapat konflik nilai yang melibatkan individu, kumpulan, masyarakat, negara dan dunia (Vishalache, 2011)<sup>7</sup>.

Pada kebiasaannya dilema moral mengandungi satu isu yang melibatkan seorang atau beberapa orang watak yang memerlukan individu yang berhadapan dengan dilema tersebut harus membuat pilihan dan keputusan moral (Vishalache, 2011)<sup>7</sup>. Keputusan moral yang diambil pula perlu berdasarkan beberapa faktor seperti pertimbangan, penaaakuan, keadilan dan kepedulian (*care*). Dalam menghadapi sesuatu dilema moral, seorang individu membuat pertimbangan moral (*moral judgement*) yang sesuai, tepat dan konsisten (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Pertimbangan moral merupakan aspek utama dalam merungkai dan menyelesaikan masalah, konflik atau isu moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan prinsip moral. Individu akan mengambil sesuatu tindakan berasaskan kepada peraturan atau nilai universal (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan 2 KSSM, 2016)<sup>2</sup>. Terdapat dua jenis dilema moral iaitu, dilema moral hipotetikal (*hypothetical moral dilemmas*) dan dilema moral sebenar (*real-life moral dilemmas*).

### Konsep Teater Perbincangan Dilema Moral

Teater Perbincangan Dilema Moral, ialah produk inovatif penulis yang menggabungkan disiplin teater (Teater Forum) dan kaedah Perbincangan Dilema Moral (*moral dilemma discussion*). Lawrance Kohlberg (1984)<sup>23</sup> menggunakan teknik Perbincangan Dilema Moral Hipotetikal sebagai satu cara untuk mengkaji perkembangan moral individu. Boal (2008)<sup>21</sup> telah menggunakan Teater Forum yang merupakan salah satu bentuk teater komuniti untuk memaparkan kepincangan politik dan menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam masyarakat. Teater Perbincangan Dilema Moral pula diubah suai daripada Teater Forum untuk digunakan dalam konteks pendidikan di bilik darjah bagi melatih pelajar mengenali dilema moral dalam kehidupan sebenar (*real-life dilemma*), menangani dilema tersebut, membuat pertimbangan dan membuat keputusan yang bermoral untuk menyelesaikan dilema atau konflik yang wujud demi melestarikan keharmonian untuk diri dan masyarakat.

Teater Perbincangan Dilema Moral boleh digunakan sebagai satu kaedah pengajaran untuk mempersembahkan isi kandungan atau satu-satu unit pengajaran yang ada dalam Buku Teks secara lebih efisien. Dalam pengajaran konvensional, sebagai contoh (*Unit 1-Sumber Moral: Asas Pembentukan Akhlak Mulia* daripada Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 2, KSSM, 2017) guru akan mengajar unit ini dengan memulakan pengajaran secara kronologi daripada takrifan sumber moral, contoh sumber moral berdasarkan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia, contoh pantang larang pelbagai kaum, amalan nilai, aktiviti pengukuhan dan latihan (Nur Munirah Teoh Abdullah, Mohd Hilmie Mohd Mokhtar & Vijayaletcmy Muniyandy, 2017)<sup>9</sup>. Gaya pengajaran yang streotaip ini akan menyebabkan pelajar bosan kerana mereka dapat menduga terlebih dahulu aktiviti dan isi kandungan yang ingin diajar oleh guru. Gaya pengajaran guru yang pasif begini langsung tidak mengungkitkan "perasaan ingin tahu" pelajar dan minda pelajar akan "tertutup" untuk berfikir dengan lebih lanjut tentang isi kandungan yang diajar. Natijahnya, pengajaran yang sebenar tidak akan berlaku dan akhirnya murid akan menyalin nota serta menghafal apa-apa yang diajar oleh guru secara mekanikal dalam suasana yang hambar.

Sebaliknya, dalam teknik Teater Perbincangan Dilema Moral, dilema moral sebenar yang dikenal pasti akan diolah menjadi skrip lakonan dalam sesi Olahan Skrip. Skrip yang diolah ini pula dilakonkan dalam bentuk Lakonan Immoral. Dilema yang dipaparkan dalam Lakonan Immoral pula akan dibincangkan dalam sesi Perbincangan Dilema. Akhirnya, penyelesaian kepada




dilema tadi iaitu hasil perbincangan pula akan dipersembahkan dalam bentuk lakonan dalam sesi Lakonan Penyelesaian Dilema. Teknik ini memberi peluang untuk menguji hipotesis atau idea penyelesaian alternatif yang dipersetujui oleh murid dalam sesi Lakonan Penyelesaian Dilema di dalam bilik darjah.

Dalam senario ini, Teater Perbincangan Dilema Moral menjadi satu pedagogi interaktif yang memerlukan murid terlibat secara aktif dalam proses mengolah skrip, berlakon, berbincang dan menyelesaikan dilema moral. Dalam teknik ini murid akan terlibat dalam 4 langkah Teater Perbincangan Dilema Moral, iaitu (i) Olahan Skrip (ii) Lakonan Immoral (iii) Perbincangan Dilema dan (iv) Lakonan Penyelesaian Dilema. Dalam sesi Olahan Skrip pelajar akan menulis sebuah skrip lakonan ringkas yang menggambarkan dilema moral atau konflik moral yang mana setiap watak berada dalam dilema dan tidak mampu membuat keputusan atau mencari jalan keluar untuk mengatasi dilema tersebut.

Dalam Lakonan immoral, skrip yang diolah akan dilakonan oleh murid. Lakonan ini digelar Lakonan Immoral kerana ia bukanlah model yang kita atau penonton patut ikuti tetapi ia adalah model yang perlu kita atau penonton ubah. Lakonan Immoral akan berakhir tanpa apa-apa penyelesaian terhadap dilema moral yang dihadapi oleh mereka (watak-watak yang berlakon). Setelah lakonan Immoral selesai, seorang Joker (watak yang mempunyai peranan yang sama seperti badut dalam sarkas) akan mengendalikan sesi Perbincangan Dilema bersama-sama penonton/khalayak. Joker akan menanyakan soalan-soalan rangsangan kepada penonton/khalayak dalam sesi perbincangan untuk mendapatkan idea penyelesaian yang difikirkan wajar untuk menyelesaikan dilema moral atau konflik yang dipaparkan dalam lakonan Immoral.

Akhirnya dalam sesi Lakonan Penyelesaian Dilema, Lakonan Immoral akan dipersembahkan untuk kali yang kedua. Pada ketika ini para penonton yang telah memberikan idea penyelesaian untuk mengatasi dilema dalam sesi forum akan menghentikan (meminta watak atau pelakon tertentu untuk berada dalam keadaan kaku) dengan teriakan "*Freeze*". Watak yang diminta untuk freeze akan berada dalam keadaan kaku. Kemudian penonton ini akan naik ke pentas dan mengambil alih peranan watak yang "dikakukan" tadi dan membawa cerita itu kepada satu penyelesaian yang lebih bermoral berasaskan nilai universal dan prinsip moral sejagat. Rujuk Rajah 1 yang menunjukkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh guru untuk menggunakan Teater Perbincangan Dilema Moral (TPDM) dalam menangani satu unit pengajaran daripada buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 2, KSSM, 2017.



Rajah 1 Langkah Penggunaan TPDM dalam satu Unit Pengajaran daripada Buku Teks

Segala perbincangan seterusnya adalah berdasarkan *Unit 1-Sumber Moral: Asas Pembentukan Akhlak Mulia*. Berikut ialah satu contoh bahan pengajaran untuk *Unit 1-Sumber Moral: Asas Pembentukan Akhlak Mulia* daripada Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 2 (KSSM).

Setelah membaca Unit 1, guru boleh mengolah semula kandungan dalam Unit 1 ke dalam bentuk teknik Teater Perbincangan Dilema Moral tanpa mengubah kandungan dan hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Dalam unit ini, guru boleh memilih konflik moral atau isu yang sesuai dengan topik dalam Unit 1 (*Sumber Moral: Asas Pembentukan Akhlak Mulia*). Contoh isu yang boleh diteroka ialah isu perpaduan. Guru juga boleh mereka sesuatu tema atau tajuk seperti "Sikap tidak terbuka dan prasangka terhadap agama menghalang pembentukan akhlak dan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia" untuk dijadikan panduan kepada guru dan murid membina skrip lakonan dalam teknik Teater Perbincangan Dilema Moral. Selepas tajuk atau tema dipilih, guru boleh merangka bahan berdasarkan isu yang dipilih dengan menggunakan teknik Teater Perbincangan Dilema Moral yang mempunyai empat langkah.

#### (i). Olahan Skrip

Guru boleh memberikan tema yang direka untuk pelajar mengolah skrip. Guru juga boleh mereka satu situasi yang berkonflik berdasarkan tema tadi dan meminta pelajar untuk mengolah dan menulis skrip. Berikut ialah contoh situasi berkonflik yang boleh diberikan kepada murid untuk menulis skrip.

Situasi 1.

Janet, Siti, Lee dan Meenachi ialah pelajar Semester 1 di Universiti Satu Malaysia. Sudah tiga hari mereka telah tinggal sebilik di asrama universiti. Pada hari ketiga berlaku konflik di antara mereka kerana, Siti telah membawa makanan yang mengandungi daging lembu dan makan di hadapan Meenachi yang beragama Hindu. Peristiwa ini telah menimbulkan konflik di antara Siti, Meenachi dan Janet. Namun Siti tidak langsung menyesal akan tindakannya itu. Tetapi, tindakan Lee yang membawa makanan yang mengandungi daging khinzir ke bilik mereka pula telah menyebabkan Siti tersentak. Tulis satu skrip yang menggambarkan konflik moral ini.

Setelah mendapat situasi, pelajar dalam kumpulan akan mengolah dan menulis sebuah skrip yang sesuai. Mereka diberikan kebebasan untuk menulis skrip berdasarkan dilema moral hipotetikal atau dilema moral sebenar. Berikut ialah satu contoh skrip yang mungkin dapat dihasilkan oleh pelajar.

Lokasi: di bilik asrama universiti

Masa: waktu tengah hari

Meenachi: (*bangun dari tempat duduk lalu menegur Janet yang sedang membaca majalah*) Janet..

Janet: (*selamba*)..Apa dia? Why you so tension?

Meenachi: (*dengan perasaan tertekan*) Saya tak tahan lagi...mana boleh dia beli dan makan makanan yang mengandungi daging lembu di hadapan saya.

Janet: Siapa?...apa dia? (*ingin mendapatkan penjelasan lanjut*)

Meenachi: (*agak kecewa dan marah*) Sitilah...daging lambu kan makanan haram/dilarang untuk orang Hindu. Tadi dia makan di hadapan saya...

Janet: (*dengan rasa tak puas hati*) Yalah...saya pun rasa tindakan Siti tak betul. Kita perlu bersuara

Meenachi: (*buruk sangka*)...Saya tak suka orang macam Siti ini...Nak pindah biliklah..

Siti: (*Seketika kemudian Siti masuk ke dalam bilik*) Hai...kalian tak makan ke?

Meenachi: (*dengan muka yang tak ceria*) ..Emm..Sudah...baru tadi.

Siti: (*berasa hairan*)...Hai..Meenachi semacam aje cara jawab kau..

Janet: Siti..saya nak cakap sikit kat you boleh tak?

Siti: Apa dia? cakaplah (*agak sombong*)

Janet: (*beremosi*) Siti...Meenachi tidak berapa senang awak membeli makanan yang mengandungi daging lembu dan makan di dalam bilik ini...di hadapan dia.

Siti: (*sombong dan tidak berbudi bahasa*) Ya kah..apa salahnya. Saya bukan paksa dia makan makanan saya....

Meenachi: (*mencelah*)... tapi Siti...

(*Semasa mereka sedang bercakap, Lee Ching masuk ke dalam bilik sambil membawa sebungkus makanan*).

Lee Ching: (*selamba*)..Hai semua..sorry ah... saya mau makan dulu..Sudah lama saya tak makan Bah Kut Teh ini (*Lee Ching membuka bungkus untuk makan*)

Siti: (*Ingin mengetahui jenis makanan Lee Ching*) Lee ..macam sup ayam je? Bak Kut Teh itu sup daging ayam ke..?

Lee Ching: (*selamba*)Bukan lah..daging khinzir...buat sup

Siti: (*terkejut dan lari meninggalkan bilik sambil mengucap/...*) Apa daging khinzir... Astaghfirullah al-Azim..

Siti: (dengan marah)..Lee..mana boleh awak bawa daging khinzir ke dalam bilik kita. Inikan makanan yang tidak halal untuk orang Islam!

Lee Ching: (*bingung dan hairan*)..Kenapa.. Tak boleh ke?...

Siti: (*agak marah*) tak boleh lah...Eh..kau ini...tak tahu agama dan kepercayaan orang ke!

#### (ii). Lakonan Immoral

Skrif yang diolah (skrip di atas) akan dilakonan oleh sekumpulan murid di hadapan kelas. Lakonan ini akan ditonton oleh pelajar lain sambil memikirkan isu dan dilema moral yang dipaparkan. Lakonan ini disebut lakonan Immoral kerana ini bukanlah lakonan yang bermoral dan tidak boleh menjadi teladan kepada masyarakat. Bentuk lakonan ini perlu diubah agar ia boleh memaparkan ciri-ciri yang lebih bermoral dan berakhlak di samping dapat menyelesaikan dilema yang wujud.

#### (iii). Perbincangan Dilema

Setelah lakonan Immoral tamat, seorang Joker daripada kumpulan pelakon akan mengendalikan sesi perbincangan tentang dilema yang dipaparkan dalam lakonan Immoral kepada penonton (murid lain yang tidak terlibat dalam lakonan). Joker boleh menggunakan pelbagai soalan rangsangan untuk mendapatkan idea bagi menyelesaikan konflik moral yang dipaparkan dalam lakonan Immoral. Semua idea yang dibentangkan akan dicatatkan oleh Joker. Berikut ialah contoh soalan-soalan rangsangan yang boleh dikemukakan oleh Joker kepada khalayak penonton. Jawapan dan perbincangan tentang soalan-soalan ini, secara langsung dan tidak langsung akan menyentuh isi kandungan dalam Unit 1.

1. Apakah isu yang diutarakan?
2. Apakah dilema/konflik dalam situasi di atas-agama, kepercayaan, norma masyarakat, rukun negara?
3. Apa masalah/dilema watak-Siti, Janet, Lee, Meenachi?
4. Mengapa timbul masalah ini? Faktor diri, keluarga, masyarakat, negara, pemim agama?
5. Apakah cara penyelesaian terbaik dalam situasi di atas?.
6. Apakah sumber moral yang boleh dirujuk?
7. Bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini?
8. Apakah nilai atau sikap yang perlu diamalkan oleh semua watak? (sikap terbuka/nilai-toleransi, hormat)
9. Apakah keuntungan kepada diri, keluarga, masyarakat, negara, pemim agama?
10. Bagaimana peleraian konflik ini mampu membina perpaduan negara, mengelakkan pergeseran kaum, dan mengekalkan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
11. Apakah kepentingan sumber moral dalam membentuk insan bermoral?

#### (iv). Lakonan Penyelesaian Dilema

Setelah sesi perbincangan dilema tamat, Joker akan meminta kumpulan tadi untuk mempersembahkan Lakonan Immoral buat kali kedua. Pada kali ini, penonton boleh menghentikan lakonan dengan teriakan "*freeze*". Penonton boleh menggantikan watak yang dirasakan perlu

diubah dan mereka boleh tampil ke pentas dan mengambil alih peranan watak tersebut. Penonton yang telah menjadi pelakon kini perlu berusaha untuk menyelesaikan konflik moral yang dipaparkan. Berikut ialah contoh penyelesaian konflik moral yang dipersembahkan oleh murid. Dalam artikel ini, lakonan penyelesaian konflik tersebut dipersembahkan dalam bentuk skrip lakonan untuk pemahaman pembaca. Rujuk Rajah 2.

Lokasi: di bilik asrama universiti

Masa: waktu tengah hari

Meenachi: (*bangun dari tempat duduk lalu menegur Janet yang sedang membaca majalah*) Janet..

Janet: (*selamba*)..Apa dia? Why you so tension?

Meenachi: (*dengan perasaan gusar*) Tadi Siti makan makanan yang mengandungi daging lembu di hadapan saya.

Janet: Siapa?...apa dia? (*ingin mendapatkan penjelasan lanjut*)

Meenachi: (*agak kecewa*) Sitilah...daging lambu kan makanan haram/dilarang untuk orang Hindu. Tadi dia makan di hadapan saya...

Janet: (*dengan tenang*) Ya ke?... Nanti kita bincang dengan Siti.

Meenachi: (*buruk sangka*)...Saya tak suka orang macam Siti ini...Nak pindah biliklah..

Janet: Sabar Meena...nanti kita bincang dengan Siti. Jangan kita buruk sangka dengan Siti.

Dia mungkin tak tahu bahawa daging lembu itu makanan yang dilarang dalam agama kamu.

Siti: (*Seketika kemudian Siti masuk ke dalam bilik*) Hai...kalian tak makan ke?

Meenachi: (*dengan muka yang ceria*)...Sudah Siti...baru tadi kami makan.

Janet: Siti..saya nak cakap sikit kat you boleh tak?

Siti: Apa dia? cakaplah (*prihatin*)

Janet: (*tenang dan berbudi bahasa*) Begini Siti...Meenachi tidak berapa senang awak makan makanan yang mengandungi daging lembu di dalam bilik ini...di hadapan dia.

Siti: (*hairan*) Why?...apa salahnya.

Janet: Siti...daging lembu itu adalah makanan yang dilarang dalam agama Hindu. Kita tahu Meenachi beragama Hindu. Jika kita makan makanan yang dilarang oleh agama lain, di hadapan mereka...dari segi moralnya macam kita tak hormati pegangan merekalah.

Meenachi: Ya lah Siti...saya bukan melarang awak makan daging lembu...itu hak awak...tetapi janganlah di hadapan saya, lagipun kita duduk sebilik...tolong fahami perasaan saya

Siti: (*rasa bersalah*) Oh begitu..saya minta maaf Meenachi (*saling bersalaman*). Meenachi saya tidak begitu tahu tentang agama Hindu dan makanan larangan mereka. Next time saya tak akan buat begitu.

Janet: Yes..Kita perlu menghormati sensitiviti orang lain.

(*Semasa mereka sedang bercakap, Lee Ching masuk ke dalam bilik sambil membawa sebungkus makanan*).

Lee Ching: (*selamba*)..Hai semua..sorry ah... saya mau makan dulu..Sudah lama saya tak makan Bah Kut Teh ini (*Lee Ching membuka bungkus untuk makan*)

Siti: (*Ingin mengetahui jenis makanan Lee Ching*) Lee ..macam sup ayam je? Bak Kut Teh itu sup daging ayam ke..?

Lee Ching: (*selamba*) Bukan lah..daging khinzir...buat sup

Siti: (*terkejut dan lari meninggalkan bilik sambil mengucap/...*) Apa daging khinzir... *Astaghfirullah al-Azim*..

Meenachi: Lee..mana boleh awak bawa daging khinzir ke dalam bilik kita. Inikan makanan yang tidak halal untuk orang Islam seperti Siti.

Lee: Tak boleh ke?...

Janet: Tak boleh...Siti kan orang Islam...daging khinzir ialah daging yang diharamkan untuk orang Islam sama seperti daging lembu untuk orang Hindu..

Lee: Ya ke...saya minta maaf. Saya berikan makanan ini kepada kawan di bilik sebelah. (*keluar bagi makan*)

Meenachi: Siti...marilah masuk. Lee dah keluar...



Siti: Baru saya faham bagaimana pedihnya perasaan awak apabila saya tidak menghormati perasaan kamu. Maafkan saya meenachi (berpelukan)

Meenachi: Ta apa Siti. Bersyukur awak dah faham.

Lee: (masuk ke dalam bilik)..Minta maaf Siti...saya tak akan buat lagi.

Janet: Kita perlu menghormati kepercayaan dan norma masyarakat. Ini moral kita. Kita juga harus peka dan sensitif terhadap tindakan kita. Sebagai rakyat Malaysia kita perlu mengetahui sumber moral masyarakat spt agama, kepercayaan dan norma masyarakat berdasarkan prinsip rukun negara.

Meenachi: Betul kata Janet. Rukun Negara juga menjadi panduan moral rakyat Malaysia

Kasih Lee tak dapat makan. Marilah kita ke kedai Mak Cik Pah...Saya belanja kamu semua hari ini

## Rajah 2 Lakonan Penyelesaian Dilema

### (e). Rumusan dan Penguksuhan

Selepas selesai Lakonan Penyelesaian Dilema, Joker akan membuat rumusan tentang kepentingan akhlak mulia seperti sikap terbuka, tiada prasangka, memahami dan bertoleransi antara rakan pelbagai kaum demi pembinaan perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Guru kemudian boleh menggunakan soalan-soalan latihan yang direka sendiri atau yang diambil daripada buku teks untuk menguji pemahaman murid terhadap kandungan yang dipelajari.

### Rasional Teater Perbincangan Dilema Moral

Menurut Dewey (1997)<sup>24</sup> pengajaran lebih efektif apabila guru menggunakan peristiwa sebenar yang ada kaitan dengan masalah manusia sebenar dalam hubungannya dengan dunia mereka. Hal ini kerana, murid hadir ke sekolah dengan sejumlah pengetahuan yang dipungut daripada pengalaman hidup mereka (Kincheloe, 2008)<sup>25</sup>. Teater Perbincangan Dilema Moral merealisasikan hasrat ini apabila guru dan pelajar mencari dan menggunakan dilema kehidupan sebenar yang dialami oleh pelajar untuk dijadikan bahan bagi mengolah skrip lakonan.

Menurut Winston (1999)<sup>26</sup>, satu cara pengajaran Pendidikan Moral yang efektif ialah dengan meletakkan pelajar ke dalam konflik atau dilema kehidupan sebenar (*real-life dilemma*). Maka, pengajaran yang berdasarkan kepada situasi dan respons kepada konteks yang dipenuhi dengan pengalaman seperti Teater Perbincangan Dilema Moral wajar ditangani untuk mengembangkan pemikiran moral, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan berasaskan nilai moral, dan kemampuan untuk mengembangkan dimensi penaakulan, pemikiran, emosi serta perlakuan moral.

Selain itu, Teater Perbincangan Dilema Moral, memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dilema kehidupan sebenar dalam persekitaran pembelajaran yang dinamik dan selamat di bilik darjah. Di samping itu, teknik ini juga mampu meningkatkan kemahiran dan teknik berkomunikasi yang berasaskan *ethics of care*, secara efektif dan meneroka sikap serta tingkah laku secara lebih mendalam, memberikan kompetensi emosi yang memberikan keyakinan dalam menghadapi sebarang situasi sebenar dalam kehidupan. Teater perbincangan Dilema Moral menjadi wahana pendidikan yang berkuasa, kerana sesi Perbincangan Dilema Moral dan Lakonan Penyelesaian Dilema memberi peluang kepada pelajar terlibat secara fizikal, berfikir secara aktif dan reflektif tentang cara penyelesaian sesuatu dilema.

Penglibatan dalam proses penyelesaian dilema pula dapat membangkitkan emosi moral dalam kalangan penuntut dan memperkukuhkannya melalui pengalaman Lakonan Immoral dan Lakonan Penyelesaian Dilema. Justeru, teknik ini memberikan peluang kepada murid dan guru, untuk meneroka dan mempraktikkan pelbagai dilema moral dan berlatih mengambil keputusan untuk berfikir secara bermoral, merangsang 'celik emosi' individu yang menjurus kepada perasaan moral yang membawa kepada tingkah laku moral yang terpuji. Ternyata, matlamat untuk melahirkan insan yang memiliki perwatakan positif yang terdiri daripada dimensi penaakulan, emosi dan perlakuan moral terlaksana melalui pedagogi pengajaran yang menggunakan teknik Teater Perbincangan Dilema Moral. Hal ini kerana teknik ini mampu 'menterjemahkan' segala isi kandungan moral yang ada dalam buku teks secara konkrit.

Pengalaman pembelajaran melalui Teater Perbincangan Dilema Moral, mampu membentuk insan bermoral yang prihatin, aktif dan bertanggungjawab. Selain itu, Teater Perbincangan Dilema Moral, juga melahirkan warganegara yang proaktif dan yang memiliki tanggungjawab sosial untuk *mengatasi* penindasan terhadap diri dan komuniti. Pelajar akan bermotivasi serta sentiasa berikhtiar untuk menyelesaikan konflik hidup serta mampu menyumbang ke arah keharmonian, kestabilan masyarakat dan negara. Selain itu, pengalaman penyelesaian konflik dalam Teater Perbincangan Dilema Moral, dapat digunakan untuk mengatasi masalah dalam kehidupan sebenar.

Teater Perbincangan Dilema Moral dipilih untuk mempersembahkan kandungan moral kerana teater merupakan medium yang paling sesuai untuk menggambarkan isu moral atau dilema moral dalam kehidupan sebenar (*real-life moral dilemma*) secara lebih visual dan konkrit. Teater menjadi medium yang lebih praktikal untuk menterjemahkan konsep moral yang abstrak kepada konsep yang lebih mautod dan memudahkan pemahaman pelajar. Selain itu, teater menjadi teknik yang lebih sesuai untuk melatih kemahiran membuat pertimbangan moral (*moral reasoning*), kemahiran membuat keputusan moral (*decision-making*), dan melatih kemahiran pemikiran kritis dan kreatif selaras dengan takrifan moral sebagai "*the law of reason*". Selain itu, ketiga-tiga domain pembelajaran iaitu unsur kognitif (pemikiran moral), afektif (emosi moral) dan psikomotor (perlakuan moral) dapat dilaksanakan secara serentak dan *insitu* dalam teknik lakonan atau teater.

## Kesimpulan

Teater Perbincangan Dilema Moral mampu merealisasikan matlamat Pendidikan Moral dalam membantu murid memahami kandungan yang ada dalam setiap unit secara lebih santai, aktif dan menyeronokkan. Perasaan "dingin" dan rasa bosan terhadap buku teks oleh murid dapat dikurangkan dengan persembahan isi kandungan melalui skrip yang diolah oleh guru dan pelajar. Murid juga dapat menguasai kemahiran berkomunikasi, dan pengetahuan tentang isu moral melalui aktiviti Lakonan Immoral. Melalui sesi Perbincangan Dilema murid berpeluang untuk menguasai kemahiran pemikiran kritis dan kreatif serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi kerana mereka terangsang untuk memberikan hujah dan idea yang munasabah. Manakala dalam sesi Lakonan Penyelesaian Dilema, murid dapat menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, dapat mengaplikasikan elemen penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral lantas memperkukuh pemahaman dan penghayatan murid tentang kandungan yang dipelajari.

---

**Rujukan**

1. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral KSSM, Tingkatan 2*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York, NY: Bantam.
4. Boal, A. (2006). *The aesthetics of the oppressed*. Oxford, UK: Routledge.
5. Durden, E. (2003). Problem solving theater: A case study of the use of participatory Forum Theatre to explore HIV/AIDS issues in the workplace. Retrieved from [Ccms.ukzn.ac.za/index.php?option=content&task](http://Ccms.ukzn.ac.za/index.php?option=content&task)
6. Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study of choices of action, values and orientations of 16 year-old students*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Macquairie.
7. Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
8. Mohd Nazri Abdul Rahman., Norlidah Alias., Saedah Siraj., & Zaharah Hussin. (2013). Inovasi dan kreativiti dalam rekabentuk buku teks sekolah menengah: Aplikasi pendekatan *Interpretive Structural Modeling (ISM)*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 1(1), 1-9.
9. Nur Munirah Teoh Abdullah., Mohd Hilmie Mohd Mokhtar., & Vijayaletmy Muniyandy (2017). *Pendidikan Moral Tingkatan 2, Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman. (2009). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
11. Nadarajan Thambu., & Vishalache Balakrishnan. (2014). Pengurusan Teater Forum: Satu inovasi teknik dalam pedagogi Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan (JuPiDi)*, 1(2), 38-50.
12. Norzihani Saharuddin., & Nur Surayyah Madhubala Abdullah. (2015). Elemen dalam program penyediaan guru sebagai pemudah cara pemikiran moral guru pelatih Pendidikan Moral. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-13.
13. Colby, A., & Kohlberg, L. (2011). *The measurement of moral judgement volume I*. Cambridge: Cambridge University Press.
14. Suppiah., Barathy., & Sandra. (2017). Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah dan penyelesaian masalah melalui kaedah Hermeneutik. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 7(2), 58-68.
15. Nadarajan Thambu, Noor Banu Mahadir Naidu, & Muhammad Atiullah Othman. (2018). Pemeraksanaan Pedagogi Kritis untuk menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui teknik Teater Forum dalam kalangan murid Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. Monograf yang tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
16. Barone, T. (2004). Moral dimension of teacher-student interactions in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 33(2), 179-196.
17. Levy, J. (1997). Theatre and moral education. *Journal of Aesthetic Education*, 31, 65-75.
18. Best, D. (1992). *The Rationality of Feeling*. London: Falmer.

19. Rest, J. (1984). The major components of morality. Dalam W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Morality, moral development and moral behaviour* (pp. 24-38). New York, NY: Wiley.
20. Freire P. (1970). *Pedagogy of the oppressed*. New York, NY: The Seabury Press.
21. Boal, A. (2008). *Theatre of the oppressed* (new edition). London, UK: Pluto Press.
22. Cohen-Cruz, J. & Schutzman, M. (Eds.). (2006). *A Boal companion: Dialogues on theatre and Cultural Politics*. New York, NY: Routledge.
23. Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development: The nature and validity of Moral stages*. San Francisco, CA: Harper & Row.
24. Dewey, J. (1997). *Experience and education*. New York: Free Press.
25. Kincheloe, J. (2008). *Knowledge and critical pedagogy: An introduction*. Amsterdam, the Netherlands: Springer.
26. Winston, J. (1999). Theorising drama as moral education. *Journal of Moral Education*, 28(4), 459-471.